

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)45

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

45. Mengenai perkembangan artificial intelligence (AI) atau kecerdasan buatan di Pulau Pinang.
- (a) Huraikan pencapaian / perkembangan terkini Penang Silicon Design @5km+ setelah dilancarkan dan bagaimanakah inisiatif ini dapat membantu mewujudkan ekosistem AI dalam Pulau Pinang?
 - (b) Apakah inisiatif terkini dan entiti yang dipertanggungjawabkan dalam mengembangkan ekosistem AI di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

45. (a) *Penang Silicon Design @5km+* yang dilancarkan pada Disember 2024 merupakan suatu inisiatif strategik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina ekosistem reka bentuk litar bersepadu *IC Design* dalam radius lima kilometer sekitar Taman Perindustrian Bayan Lepas. Inisiatif ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu *Penang IC Design & Digital Park @Bayan Lepas, Penang Chip Design Academy*

@PSDC, dan *Silicon Research & Incubation Space @GBS TechSpace*.

Penang IC Design & Digital Park @Bayan Lepas berfungsi sebagai hab R&D dan pejabat bagi syarikat reka bentuk cip tempatan dan antarabangsa dengan ruang lebih satu juta kaki persegi, manakala *Penang Chip Design Academy @PSDC* menawarkan program latihan kemahiran kepada graduan kejuruteraan serta jurutera sedia ada. *Silicon Research & Incubation Space @GBS TechSpace* pula menyediakan sokongan teknikal dan ruang kerja bagi syarikat pemula dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor reka bentuk cip. Projek ini menerima pelaburan sebanyak RM120 juta dalam tempoh lima (5) tahun, yang mana RM60 juta adalah daripada Kerajaan Negeri dan selebihnya dimohon melalui geran padanan kepada Kementerian Kewangan. Inisiatif ini dijangka memacu inovasi, mempercepat pertumbuhan industri semikonduktor dan Kecerdasan Buatan (AI) serta menarik pelaburan berteknologi tinggi ke negeri ini.

- (b) Seiring dengan itu, beberapa inisiatif lain turut dilaksanakan bagi memperkukuh ekosistem AI di Pulau Pinang. Antaranya

ialah projek *Penang AI City* iaitu kerjasama antara Kementerian Digital dan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar pintar yang berdaya saing melalui teknologi AI dan *digital twin* bagi perancangan bandar secara dinamik. Melalui projek ini, AI digunakan untuk pengurusan trafik, keselamatan awam dan perkhidmatan digital bersepadu. Selain itu, *AI Education Hub @Tech Dome Penang* turut dilancarkan bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran AI dalam kalangan pelajar serta belia. Pusat ini digerakkan oleh sebuah konsortium pendidikan AI yang terdiri daripada 13 ahli termasuk institusi pengajian tinggi dan pertubuhan profesional. Tambahan pula, penganjuran *AI Builders Summit 2025* menjadi platform penting untuk kolaborasi antara pakar industri, penyelidik dan pembuat dasar dalam meneroka pembangunan AI masa depan di peringkat tempatan dan global. Dalam semua inisiatif ini, entiti seperti InvestPenang, *Penang Skills Development Centre (PSDC)* dan *Digital Penang* memainkan peranan utama dalam menyelaraskan dan memacu pelaksanaan strategi AI negeri, menjadikan

Pulau Pinang sebagai hab teknologi dan inovasi yang penting di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.